

Pertandingan Kesenian Interkolej bagi Kategori Nasyid

UB 28.5.2019 B2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) mengadakan Pertandingan Kesenian Interkolej bagi Kategori Nasyid pada 3 Mei lalu bertempat di Anjung Siswa, JHEP, UMS. Penyelaras bengkel ini adalah Norain Abdul Razak.

Pertandingan kesenian interkolej ini adalah satu program kebudayaan dan kesenian yang akan melibatkan kolej kediaman, dan NR bagi pelajar UMS. Setiap kolej akan bersaing untuk merebut gelaran juara dalam pertandingan ini, sekaligus akan mewakili universiti ke peringkat yang lebih tinggi.

Pertandingan ini diadakan pada setiap semester dan dijadikan acara tahunan anjuran Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, JHEP UMS.

Pada kali ini pertandingan yang akan diadakan adalah pertandingan nasyid berkumpulan dan solo. Pertandingan ini bertujuan mencungkil bakat pelajar untuk diketengahkan dalam pertandingan yang berprestij tinggi.



KOLEJ Kediaman Tun Mustapha johan bagi kategori berkumpulan.

Dengan harapan pertandingan kali ini akan berjalan seperti yang dirancang dan mencapai KPI yang diamanahkan oleh universiti. Pihak Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, JHEP juga berbesar hati agar program ini dapat diadakan lagi di masa akan datang.

Peserta terdiri daripada kumpulan nasyid Kolej

Kediaman Tun Mustapha, Kolej Kediaman Tun Fuad, Kolej Kediaman Excellent dan Kolej Kediaman Ecopark. Pertandingan ini terbahagi kepada dua iaitu solo dan berkumpulan. Pemenang bagi johan Keseluruhan dimenangi oleh Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Bagi kategori berkumpulan, johan dimenangi, Kolej

Kediaman Tun Mustapha, naib johan daripada Kolej Kediaman Excellent manakala tempat ketiga jatuh kepada Kolej Kediaman Tun Fuad.

Bagi kategori solo terbaik dimenangi peserta daripada Kolej Kediaman Ecopark. Hadiah disampaikan Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, JHEP Alan James.